

Fungsi Tiga Cabang Kuasa Negara – Legislatif, Eksekutif & Kehakiman: *Antara Imbangan dan Pemeriksaan*

Shamrahayu A. Aziz

(Profesor Madya, Dr)

Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

srahayu@iium.edu.my; shamrahayu@gmail.com



Pengenalan/Sejarah Pengasingan Kuasa

- Pembahagian institusi negara kepada tiga dikenali sebagai doktrin atau prinsip PENGASINGAN KUASA
- Ia adalah antara prinsip penting dalam sistem demokrasi
- Mula diperkenalkan oleh ahli falsafah Aristotle yang menggabungkan beberapa jenis pentadbiran “monarchy, aristocracy, and democracy”
- Kemudiannya konsep penagsingan kuasa diperbaiki dan diperjelas oleh James Harrington (1656 Oceana) dan John Locke 1690 Civil Government,
- Namun, yang lebih dikenali ialah Montequieu kerana tulisannya Spirit of the Laws 1748



Ia juga dikenali sebagai doktrin “liberal-demokratic” (**Sir Ivor Jennings**, 1959, *The Law and The Constitution*, 5th. Edition, London : ELBS, h.280.

Nota:

- “Liberal democracy” juga dikenali sebagai “constitutional democracy”.
- Wujud dalam pelbagai bentuk; republic; monarchy; parliamentary system; presidential system; semi-presidential system
- Menggalakkan ‘representative democracy’ – untuk mengelakkan ‘oligarchy’ – ruled by few (elite; wealthy; militarily strong; politically strong; ruthless)



Model Pengasingan Kuasa

- Amerika Syarikat
- British (Westminster)

Pengasingan dalam aspek

1. Keahlian (Personal membership)
2. Kuasa dan fungsi (functional separation)
3. Institusi (institutional separation)



Objektif Pengasingan Kuasa^{p.1}

- ✓ Tiada penumpuan kuasa -
Kerana penumpuan kuasa akan memudahkan penyalahgunaan kuasa
- ✓ Ia untuk mengelak atau menghindari bahaya “tyranny” di mana dikatakan dotrin pembahagian kuasa (atau fungsi) dapat mewujudkan dan mengekalkan kepimpinan, kebebasan sebenar dan menghindari kemaharajalelaan (despotisme)
- ✓ Merealisasikan prinsip semak dan imbang:
Setiap cabang berkuasa untuk “menyemak” dan “menyeimbangkan” kuasa dan pelaksanaan kuasa masing-masing yang diberikan oleh Perlembagaan



Objektif Pengasingan Kuasa^{p.2}

- ✓ Menjaga kebebasan individu kerana penumpuan kuasa boleh menjadi ancaman kepada kebebasan individu. Namun, ini bukan tujuan utama pengasingan kuasa. Tujuan utama pengasingan kuasa adalah untuk memastikan pentadbiran berjalan dengan lancar



Doktrin Pengasingan Kuasa Dalam Perlembagaan Persekutuan

Pengenalan

Seperti yang kita semua maklum, negara kita Malaysia mengamalkan sistem demokrasi – lebih tepat lagi, sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan

Walaupun perkataan ‘demokrasi’ tidak terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan, sifat-sifat demokrasi itu dapat dilihat dalam peruntukan-peruntukannya

Dalam mengamalkan sistem demokrasi, menerusi peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Malaysia membahagikan kuasa pemerintahan kepada tiga badan atau organ atau institusi, iaitu **Eksekutif; Parlimen; Kehakiman**



Eksekutif

Ia juga disebut “Pemerintah”

Tugas: Membuat keputusan mengenai polisi dan dasar negara; Pengeluaran lesen; Membuat instrumen perundangan dan undang-undang kecil; Membuat pembangunan, dll

Terdiri daripada YdPA, Jemaah menteri, Perkhidmatan Awam

(lihat Perkara 39 – 43C Perlembagaan Persekutuan)



Kuasa Eksekutif

- **Perkara 39. Kuasa Eksekutif Persekutuan.**

“Kuasa eksekutif Persekutuan hendaklah terletak hak pada **Yang di-Pertuan Agong** dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh, melalui undang-undang, memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain”



Badan Perundangan/Legislatif

- Membuat undang-undang
- Parlimen – Dewan Negara/Dewan Rakyat/
Dewan Undangan Negeri

(lihat Artikel 44 – 68 Perlembagaan Persekutuan, untuk Persekutuan, dan perenggan 2 – 11, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan, untuk Negeri-negeri).



Perundangan (Legislatif)

- **Perkara 44. Keanggotaan Parlimen.**

“Kuasa perundangan Persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada **Yang di-Pertuan Agong** dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat”.



Kehakiman

- Hakim-Hakim di Mahkamah Tinggi

- Tugas Umum :

Mengadili tindakan-tindakan sivil; Mengadili pendakwaan jenayah; Mendengar rayuan dari Mahkamah bawahan; Membuat dikri halehwal keluarga (perceraian, nafkah dll); Pengurusan pusaka
Mengeluar waran tangkap; Mentafsir undang-undang, termasuk Perlembagaan; Membuat undang-undang?

(lihat Perkara 121-131A Perlembagaan Persekutuan).



Kehakiman p. 1

- **Perkara 121. Kuasa kehakiman Persekutuan.**
- (1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya, iaitu—
- (a) satu di Negeri-Negeri Tanah Melayu, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat di Negeri-Negeri Tanah Melayu yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong; dan
- (b) satu di Negeri Sabah dan Sarawak, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di mana-mana tempat di Negeri Sabah dan Sarawak yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (c) *(Dimansuhkan), - (berkaitan mahkamah Singapura)*



Kehakiman p.2


Perkara 122B. Pelantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi

“(1)Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada Perkara 122C) hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja”



Analisa

- Jika diperhatikan, dalam kesemua peruntukan berkaitan pengasingan kuasa ini meletakkan institusi Raja (YdPA@Majlis Raja-Raja) dalam kesemua institusi negara.





Semak dan Imbang dalam Perlembagaan – Legislatif

- **Legislatif semak Eksekutif**

43(3) Jemaah Menteri hendaklah bertanggungjawab secara bersama kepada Parlimen; Undi tidak percaya

- **Legislatif semak Kehakiman**

Kuasa mengusul dan meluluskan pindaan

Perlembagaan; Kuasa menentukan bidang kuasa mahkamah; (tidak boleh membincangkan kedudukan, kelakuan dan gaji hakim)

- **Mengendalikan legislatif sendiri**

Self checking – Rang undang-undang hendaklah diluluskan oleh kedua-dua dewan




Semak dan Imbang dalam Perlembagaan – Eksekutif

- **Eksekutif semak Legislatif**
 - YdPA veto rang undang-undang (ini telah dimansuh); YdPA pemerintah tertinggi angkatan tentera(41) ; YdPA memanggil, memprorog dan membubarkan Parlimen (55)
- **Eksekutif semak Kehakiman**
 - Perlantikan hakim-hakim (122B); Kuasa Pengampunan (42)
- **Eksekutif sendiri –**
 - Jemaah menteri memegang jawatan selama diperkenankan oleh YdPA (43(5))



Semak dan Imbang dalam Perlembagaan – Kehakiman

- **Kehakiman semak Legislatif**
 - Semakan kehakiman
- **Kehakiman semak Executif**
 - Semakan Kehakiman
- **Kehakiman sendiri?**



Penutup

- Pengasingan kuasa yang tidak jelas
- Mekanisme semak dan imbang yang perlu ditambah baik dari segi peruntukan undang-undang dan amalan